

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jumlah orang kurang upaya (OKU) berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 31 Disember 2021 dan pecahan mengikut jenis OKU serta kategori jantina lelaki dan perempuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) adalah tertakluk kepada Akta OKU 2008 [*Akta 685*] dan ia dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.

Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), setakat 28 Februari 2022, sejumlah 597,355 OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah tersebut, seramai 389,241 (65%) orang adalah lelaki dan 208,114 (35%) orang adalah merupakan wanita.

Pecahan bilangan OKU yang berdaftar mengikut kategori adalah seperti berikut:

- i) Pembelajaran (35.8%);
- ii) Fizikal (35.0%);
- iii) Penglihatan (8.8%);
- iv) Mental (8.4%);
- v) Pendengaran (6.9%);
- vi) Pelbagai (4.6%); dan
- vii) Pertuturan (0.5%).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kanak-kanak di institusi kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Apakah bilangan kanak-kanak di institusi-institusi ini yang belum memperoleh kewarganegaraan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengendalikan sebanyak **38 buah institusi kanak-kanak di seluruh Malaysia**. Daripada 38 buah ini 14 buah adalah Rumah Kanak-Kanak, sembilan (9) buah adalah Sekolah Tunas Bakti, sembilan (9) buah Asrama Akhlak, empat (4) buah Taman Seri Puteri dan dua (2) buah Rumah Perlindungan Kanak-Kanak ATIP (bagi mangsa pemerdagangan orang).

Sehingga 31 Disember 2021, **kanak-kanak di 38 buah institusi berkenaan adalah seramai 1,726 orang**. Daripada jumlah tersebut **terdapat seramai 28 orang kanak-kanak yang mempunyai status “warganegara belum ditentukan”**. Untuk makluman, penetapan status taraf kewarganegaraan ini adalah di bawah **bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** melalui permohonan yang dikemukakan oleh JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang belum selesai di Sibu dan juga di seluruh Sarawak dan apakah tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan setiap permohonan serta tempoh masa untuk memproses setiap kad OKU di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2021 telah menyalurkan peruntukan **sebanyak RM 2.4 bilion** yang telah memberi manfaat kepada **519,409 penerima bantuan di seluruh negara**. Manakala penerima bantuan **di negeri Sarawak adalah seramai 50,885 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM 233.4 Juta**.

Konsep pemberian bantuan kebajikan adalah berdasarkan **kelayakan dan siasatan akan dilaksanakan bagi setiap permohonan yang lengkap**. Setiap permohonan **akan disiasat dalam tempoh 14 hari** dari tarikh permohonan diterima. **Kelulusan pula akan diberikan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permohonan diterima**.

Berdasarkan statistik jabatan pada **Tahun 2021** terdapat **6,933 permohonan bantuan yang diterima** dan telah diproses oleh JKMN Sarawak. Berdasarkan hasil siasatan terdapat **3,718 permohonan yang telah diluluskan dan 3,215 permohonan yang telah ditolak** kerana tidak menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Semua permohonan yang lengkap telah diproses dan tiada permohonan tertunggak bagi tahun 2021.

Bagi Parlimen Sibui, terdapat **598 permohonan bantuan telah diproses dan sebanyak 284 permohonan diluluskan dan 314 permohonan telah ditolak** kerana tidak menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Prosedur Pengendalian Permohonan Pendaftaran OKU, kad OKU akan diproses dan diluluskan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima. Prosedur dan tempoh kelulusan ini meliputi seluruh Malaysia termasuk Sarawak.

Dalam usaha menggalakkan lebih ramai OKU berdaftar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membangunkan **Modul Permohonan Pendaftaran OKU Secara Dalam Talian** yang dikenali sebagai **MyDaftar OKU** dan mula dilaksanakan mulai 01 November 2021. Tujuan MyDaftar OKU adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada OKU dalam urusan pendaftaran.

MyDaftar OKU merupakan inisiatif Kementerian dalam meningkatkan pendaftaran OKU di Malaysia. Ini selari dengan Teras Strategik 8 Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menggariskan tentang keperluan mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif.

Menerusi MyDaftar OKU, Kad OKU Digital dalam bentuk Kod QR akan diterima oleh pemohon dalam **tempoh 24 jam selepas permohonan diluluskan. Sehingga 09 Februari 2022 sebanyak 15,503 permohonan pendaftaran OKU telah diluluskan dan dikeluarkan Kad OKU digital dalam bentuk Kod QR.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Hasan Bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkara berkaitan Pewartaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) mangsa bencana bagaimana ia dipilih dan mengapa tidak ditempatkan pada kemudahan yang lengkap seperti di Pusat Latihan atau sekolah yang mempunyai asrama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pemilihan sesuatu premis dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dikenal pasti dengan lebih awal bagi memudahkan urusan pemindahan dan agar masyarakat mengetahui lebih awal di mana PPS yang perlu diduduki. Sekiranya bangunan-bangunan yang telah dikenal pasti itu adalah **milik persendirian atau di bawah tanggungjawab agensi lain, maka kebenaran terlebih dahulu perlu diperolehi**. Kriteria dan panduan bagi pemilihan pusat pemindahan adalah seperti berikut :

- i) **Bangunan mempunyai ruang mencukupi dan selamat digunakan;**
- ii) **Mempunyai kemudahan dan keperluan asas seperti bekalan elektrik dan sebagainya;**
- iii) **Lokasi / kedudukannya selamat dari dilanda bencana dan tidak terputus hubungan; dan**
- iv) **Terletak berhampiran komuniti di mana bencana itu berlaku.**

Semua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) perlu **mendapat kelulusan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) atau Pegawai Daerah** dan hanya pusat berkenaan sahaja akan dibekalkan dengan keperluan asas dan bekalan makanan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengalu-alukan cadangan bagi menjadikan Sekolah Berasrama, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kolej Komuniti dan Politeknik yang mempunyai kemudahan kolej / asrama untuk dijadikan PPS.. **Satu perbincangan khas bersama Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak-pihak lain berkaitan perkara ini telah diatitkan pada 3 Mac 2022.**

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan :-**

(a) progres Program Pemberian Kit Asas Kebersihan Wanita seperti yang  
dicadangkan semasa Belanjawan 2022 mengikut negeri; dan

(b) mekanisme yang digunakan oleh Kementerian untuk mengenal pasti  
kumpulan sasaran dan proses menyampaikan bantuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui pengumuman Belanjawan 2022 ini, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan yang memerlukan melalui pelaksanaan Program Pemberian Kit Kebersihan Asas Wanita Kepada Remaja Perempuan – Kit SERI (*Social Empowerment of Reproductive Health Initiatives*). Program ini akan melibatkan pemberian Kit Kebersihan Asas wanita dan program pendidikan kesihatan reproduktif serta pengurusan kebersihan haid kepada remaja perempuan di kawasan luar bandar dan bandar menerusi sekolah menengah terpilih.

Program ini melibatkan 2 agensi utama dalam pelaksanaan iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan menjalankan pengisian program pendidikan kesihatan reproduktif selama 12 bulan dan Jabatan Penjara Malaysia akan menyediakan dan menghantar bekalan tuala wanita pakai buang bermula bulan Mei sehingga Disember 2022. Bagi memastikan agihan serta pelaksanaan program ini berjalan dengan lancar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengadakan satu sesi taklimat mengenai Program Pemberian Kit SERI (*Social Empowerment of Reproductive Health Initiatives*) pada 12 Januari 2022 secara dalam talian melibatkan seramai 114 orang Pegawai Pejabat Pendidikan (PPD) dan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Taklimat ini bertujuan untuk memberikan maklumat mengenai mekanisme agihan bekalan kepada pelajar di sekolah menengah terpilih iaitu bekalan fasa pertama akan dijalankan oleh LPPKN untuk 4 bulan pertama (Januari hingga April 2022) dan 8 bulan berikutnya oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Satu sesi Taklimat dan Bengkel Pendidikan SERI telah dilaksanakan secara dalam talian melibatkan 475 orang guru sekolah yang akan turut serta menyampaikan maklumat mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan pengurusan haid kepada pelajar. Bengkel Pendidikan SERI juga turut dilaksanakan kepada 52 orang Pegawai LPPKN dan *Teen*

*Educators* yang akan melaksanakan program ini di sekolah-sekolah terpilih, Pusat Remaja KafeTEEN, Trak KafeTEEN, Kelab KafeTEEN di sekolah, dan mobile KafeTEEN.

Selain itu, pelaksanaan program *outreach* Kit SERI telah berjaya dijalankan di Sabah dan Johor dengan penyertaan seramai 350 orang remaja perempuan yang menerima Kit SERI pada bulan Januari 2022 setakat ini. Program advokasi kesihatan reproduktif ini mampu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan SRH remaja dan seterusnya memastikan objektif program pemberian kit asas kebersihan wanita secara jangka panjang tercapai.

Untuk mengenal pasti kumpulan sasaran dan proses menyampaikan bantuan tersebut, proses ini melibatkan:

- 1) Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengenal pasti pelajar dari golongan B40 yang layak menerima bekalan ini melalui maklumat pangkalan data pelajar di bawah KPM. Pemberian bekalan Kit SERI ini akan diberikan secara berkala selama tempoh 12 bulan kepada **130,000 orang remaja perempuan berumur 13 hingga 17 tahun** di **1,124 buah sekolah** terpilih menerusi Pejabat Pendidikan Daerah Negeri di seluruh Malaysia.
- 2) Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengenal pasti kumpulan sasar yang tercicir daripada institusi sekolah dan tiada akses kepada bekalan tuala wanita pakai buang untuk edaran tuala wanita kain bagi penggunaan jangka masa panjang.

Kementerian turut mengambil berat isu yang melibatkan kesihatan reproduktif dan ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) yang mengutamakan peningkatan kesedaran dan pemerksaan masyarakat berkaitan kesihatan reproduktif. Justeru, Program Pemberian Kit Asas Kebersihan Wanita ini merangkumi program pendidikan dan advokasi kesihatan reproduktif yang merupakan satu inisiatif untuk memperkasa remaja wanita terutamanya golongan B40 agar meningkatkan ilmu kesihatan reproduktif dan kebersihan *hygiene* semasa haid. Justeru, **Program**

**SOALAN NO. : 74**

**Pendidikan SERI** turut dilaksanakan oleh LPPKN Negeri dengan kerjasama guru di **270 buah sekolah** yang terpilih di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.